

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 01 : JAN & FEB 2022



MUHAMMAD HANIF SEDIA GALAS TANGGUNGJAWAB BAHARU

Atlet Petanque UTHM, Saudara Muhammad Hanif Bin Hasbullah yang merupakan pelajar Tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) telah dilantik sebagai Jurulatih Sambilan di bawah Kontrak Perkhidmatan Jawatan Jurulatih Sambilan *Penang Junior Coaches* (PJC) 2022 Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa selama tempoh 3 bulan bermula 01 Januari hingga 31 Mac 2022. Tahniah dan selamat maju jaya dalam arena kejurulatihan.

7 Januari 2022

MESYUARAT PELARASAN BIL.1 KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1, 2022

Telah berlangsungnya Mesyuarat Pelarasan Bil.1 Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2022 yang dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Madya Sr Ts. Hj Lokman Hakim bin Hj Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM di Bilik Mesyuarat Utama, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM .

11 Januari 2022



ATLET FUTSAL UTHM MEWAKILI PASUKAN KPT MUSTANG

Selamat maju jaya diucapkan kepada atlet futsal UTHM iaitu Saudara Eazlan Syaqrin Che Azid & Saudara Muhammad Arif Roslan yang akan mewakili pasukan KPT Mustang dalam Malaysia Premier Futsal League (MPFL) yang akan berlangsung pada 14 Januari sehingga Mac 2022

13 Januari 2022



LAWATAN PENANDA ARAS KE INSTITUT SUKAN NEGARA

Pusat Sukan Universiti yang diwakili oleh En. Khairul Amir Hamzah telah mengadakan lawatan penanda aras ke Institut Sukan Negara. Perkhidmatan yang disediakan di ISN juga turut dibincangkan sebagai persediaan bagi menjalankan kerjasama untuk atlet-atlet UTHM yang terlibat dalam Program Hussein Global.

24 Januari 2022



LAWATAN KE ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS

Sebagai inisiatif dalam meningkatkan pembangunan fasiliti sukan UTHM, Pusat Sukan Universiti telah mengadakan lawatan ke Gelanggang Petanque, Arena Emas. Terima kasih diucapkan kepada En. Ruhaizal Bin Abu Amin, Setiausaha Persatuan Petanque Negeri Johor atas perkongsian dan kesudian menerima kunjungan ini.

24 Januari 2022



LAWATAN PENANDA ARAS DI ARENA LARKIN

Lawatan penanda aras ke Arena Larkin dan Pusat Akuatik Johor Bahru ini merupakan platform dalam berkongsi idea dan kepakaran berkaitan fasiliti sukan. Siri lawatan ini telah dihadiri oleh staf-staf dari Pusat Sukan Universiti dan Pejabat Pembangunan & Penyenggaraan UTHM. Lawatan ini juga merupakan usaha dan inisiatif bagi mendapatkan maklumat awal sebelum melaksanakan projek RMK12 yang melibatkan fasiliti sukan UTHM. Terima kasih diucapkan kepada Johor Corporation (JCORP) atas kesudian menerima kunjungan daripada UTHM ini.

24 Januari 2022



KEJAYAAN PASUKAN STAF UTHM DI KEJOHANAN OLAHRAGA MAKSAK 2022





Tahniah diucapkan kepada Pasukan Olahraga UTHM yang telah berjaya memenangi pingat dalam Kejohanan Olahraga MAKSAK Johor 2022. Butiran lengkap kejohanan adalah seperti berikut:

Tarikh : 29 Januari 2022

Lokasi : Stadium Olahraga, Komplek Sukan Johor

Masa : 7.30 pagi

Keputusan Rasmi Kejohanan bagi Pasukan Olahraga Staf UTHM :

7 EMAS

- 1. MAHYUZIE BIN JENAL - Lontar Peluru Lelaki (JV)**
- 2. MAHYUZIE BIN JENAL - Lempar Cakera Lelaki (JV)**
- 3. ISMAHANI BINTI SHAMSUDIN - Lontar Peluru Wanita (JV)**
- 4. ISMAHANI BINTI SHAMSUDIN - Lempar Cakera Wanita (JV)**
- 5. NORADZUANA BINTI SAMIRAN - 3000 Meter Wanita (JV)**
- 6. SUHAILAH BINTI MUHAMMAD PHILIP - Lontar Peluru Wanita (SV)**
- 7. PM. Dr. TAN LAI WAI - 100 Meter Wanita (SV)**

3 PERAK

- 1. MUHAMAD AZLIN BIN SELAMAT - 400 Meter Lelaki (Terbuka)**
- 2. AHMAD SYAKIR BIN MOHAMAD JAMIL - 1500 Meter Lelaki (Terbuka)**
- 3. SUHAILAH BINTI MUHAMMAD PHILIP - Lempar Cakera Wanita (SV)**

2 GANGSA

- 1. MUHAMAD AZLIN BIN SELAMAT - 1500 Meter Lelaki (Terbuka)**
- 2. Dr ASLAM BIN ABDULLAH - 3000 Meter Lelaki (JV)**

JV = Junior Veteran

SV = Senior Vetaran

PELAWAAN JAWATAN JURULATIH SAMBILAN SUKAN 2022

Pusat Sukan Universiti (PSU) telah membuka pelawaan kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi jawatan Jurulatih Sambilan Sukan UTHM bagi keperluan di Kampus Parit Raja. Sebanyak 6 sukan yang telah ditawarkan bagi sesi pengambilan edisi ini.

6 Februari 2022

PUSAT SUKAN UNIVERSITI

JAWATAN KOSONG

JURULATIH SAMBILAN SUKAN
2022

SENARAI SUKAN YANG MEMERLUKAN
KHIDMAT JURULATIH SAMBILAN



PING PONG



BERBASIKAL



RENANG



BOLA TAMPAR
LELAKI



BOLA TAMPAR
WANITA



SILAT (SENI)

BERMINAT SERTAI KAMI

07 - 4537490/7439

dfatimah@uthm.edu.my



TAHNNIAH



Atlet Olahraga Staf UTHM berjaya mewakili Johor ke
Kejohanan MAKSAK Malaysia 2022

- Ts. Dr. Mahyuzie Bin Jenal
- Puan Suhailah Binti Muhammad Philip
- Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai
- Puan Noradzuana Binti Samiran
- Puan Ismahani Binti Shamsudin

ATLET STAF UTHM MEWAKILI JOHOR DI KEJOHANAN MAKSAK MALAYSIA 2022

Syabas dan tahniah diucapkan kepada atlet olahraga staf UTHM yang telah berjaya terpilih mewakili Negeri Johor ke Kejohanan MAKSAK Malaysia 2022. Tahniah dan selamat maju jaya!

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai
Ts. Dr. Mahyuzie Bin Jenal
Puan Suhailah Binti Muhammad Philip
Puan Noradzuana Binti Samiran
Puan Ismahani Binti Shamsudin

6 Februari 2022

PERSIAPAN ATLET MENEMBAK UTHM

Atlet UTHM yang mewakili Johor, Nurul Heryani Arfida, Muhammad Amirul Haziq dan Muhammad Hudzriy sedang menjalani Latihan Pusat di Lapangan Sasar Menembak Johor sebagai persiapan menghadapi *Sport Excel Junior Championship 2022*. Ketiga-tiga atlet ini juga terlibat dalam persiapan menghadapi Kejohanan SUKMA 2022 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur.

6 Februari 2022



ATLET UTHM RANGKUL DUA ANUGERAH

Majlis Anugerah Sukan MASUM 2019 telah berlangsung di Hotel Holiday Inn Melaka bagi meraikan para atlet dan penggiat sukan Universiti Awam setelah 2 tahun penganjuran majlis anugerah ini tidak diadakan akibat pandemik Covid-19.

Dalam majlis ini, Atlet Futsal Lelaki UTHM, Alif Mat Amin telah menerima Anugerah Atlet Lelaki Terbaik UTHM manakala Violet Leng dari sukan Olahraga menerima Anugerah Atlet Wanita Terbaik UTHM. Tahniah diucapkan kepada kedua-dua penerima anugerah.

10 Februari 2022



PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM BIL 1, 2022

Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pejabat Pendaftar telah mengadakan Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil 1, 2022. Program telah dijalankan secara atas talian pada 28 Februari 2022 melalui platform Facebook Live. Terima kasih diucapkan kepada warga UTHM yang telah memberikan sokongan terhadap program ini.

28 Februari 2022



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PERHIMPUNAN KECEGASAN UTHM 2022

<http://www.facebook.com/upemipp/live/>


**28 FEB 2022
ISNIN
8.00 PAGI**

ANJURAN BERSAMA :
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
& PEJABAT PENDAFTAR

HEALTH IS WEALTH

COACH ROVY

f LIVE VIRTUAL WORKOUT



Unit Pembangunan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTHM was live.
28 February at 07:55

Perhimpunan Kecergasan Siri Pertama 2022

171 100 commen

Love Comment Share

Comments

Most

Pusat Sukan Uthm - psu
Jom ramai2 share 🍷🍷🍷

Like Reply 6 d

Pusat Sukan Uthm - psu
Share gambar korang dan ta 🍷🍷🍷

Like Reply 6 d

View more comments

Write a comment...

POSTER KELUARAN PUSAT SUKAN UNIVERSITI BAGI BULAN JAN-FEB 2022

**SELAMAT
MENDUDUKI
PEPERIKSAAN
AKHIR**

— SEMESTER 1 SESI 2021/2022 —

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PUSAT SUKAN UTHM - PSU @pusatsukanuthm https://sukan.uthm.edu.my

Tahniah

DIUCAPKAN KEPADA SEMUA GRADUAN
SEMPENA
Istiadat Konvokesyen
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
kali ke-20

ikhlas daripada
Pengarah dan seluruh warga Pusat Sukan Universiti
serta barisan Atlet UTHM

#UTHMATHLETEWARRIOR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PUSAT SUKAN UTHM - PSU @pusatsukanuthm https://sukan.uthm.edu.my

TAHNIAH

Atlet Olahraga Staf UTHM berjaya mewakili Johor ke
Kejohanan MAKSAK Malaysia 2022

- Ts. Dr. Mahyuzie Bin Jenal
- Puan Suhailah Binti Muhammad Philip
- Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai
- Puan Noradzuana Binti Samiran
- Puan Ismahani Binti Shamsudin

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PUSAT SUKAN UTHM - PSU @pusatsukanuthm https://sukan.uthm.edu.my

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SELAMAT MENYAMBUT
TAHUN BARU CINA
TAHUN HARIMAU

ikhlas daripada warga
PUSAT SUKAN UNIVERSITI

PUSAT SUKAN UTHM - PSU @pusatsukanuthm https://sukan.uthm.edu.my

PUSAT SUKAN UNIVERSITI

JAWATAN KOSONG

JURULATIH SAMBILAN SUKAN
2022

SENARAI SUKAN YANG MEMERLUKAN
KHIDMAT JURULATIH SAMBILAN

PING PONG BERBASIKAL RENANG

BOLA TAMPAR LELAKI BOLA TAMPAR WANITA SILAT (SENI)

BERMINAT SERTAI KAMI

07 - 4537490/7439 dfaismh@uthm.edu.my

Pusat Sukan Universiti www.uthm.edu.my

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Selamat Memperingati Peristiwa Agung
Isra' Mikraj
27 Rejab 1443H bersamaan 1 Mac 2022

ikhlas daripada
Pusat Sukan Universiti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Maha Suci Allah yang telah menjalinkan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkah sekolleginya, untuk memperhatikan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jalaal yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (Al-Israa: 17-1)

PUSAT SUKAN UTHM - PSU @pusatsukanuthm https://sukan.uthm.edu.my



Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK, KORPORAT & FASILITI
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581